



**LEFT. KOL. DR. SYED OTHMAN SYED OMAR**

## **PERJUANGAN TIDAK BERAKHIR**

*Oleh: Norhashimah Hashim*

DIA tidak merelakan masa depannya segelap dunianya. Dia tidak membiarkan cita-citanya ikut bersepai bersama matanya. Dia tidak mengizinkan semangatnya hilang bersama indera melihatnya. Dia percaya, di sebalik satu musibah tersembunyi seribu hikmah. Lalu dia nekad – nekad untuk menjadi hamba Tuhan yang taat, ketua keluarga yang bertanggungjawab dan pekerja yang cekap meskipun dia kekurangan satu pancaindera.

Syed Othman Syed Omar telah diputerakan pada 6 Januari, 1953 di Enggor, Kuala Kangsar, Perak. Dia kemudiannya dibesarkan di Sungai Siput. Bapanya telah meninggal dunia di saat-saat dia masih memerlukan perlindungan dan kasih sayangnya. Ini menyebabkan keadaan hidup keluarganya agak mendesak sehingga dia tidak dapat meneruskan hasratnya untuk menduduki semula Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setelah percubaan pertamanya berakhir dengan kegagalan. Dari itu, dia memohon untuk memasuki angkatan tentera.

Pada 20 Februari, 1972, Syed Othman telah diterima sebagai rekrut di Regimen Semboyan. Setelah mempunyai pendapatan sendiri, dia telah mencuba nasib sekali lagi

dalam Peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun 1974. Usahanya kali ini berhasil dan dia dinaikkan pangkat ke Lans Koperal.

Kejayaan dalam Peperiksaan SPM mendorong Syed Othman untuk mendaki setakah lagi ke peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Malangnya, dia tidak dapat menduduki peperiksaan tersebut sehingga selesai kerana dia telah dipanggil untuk menghadiri temuduga pegawai kadet di Kuching. Pada tahun 1977, bermulalah kehidupannya sebagai pegawai kadet di Batalion 19 Regimen Askar Melayu Diraja.

Sepanjang dua tahun berikutnya, Syed Othman sibuk menghadiri kursus demi kursus. Di samping itu, dia juga sering masuk keluar hutan kerana terlibat dalam operasi menentang komunis. Pada masa yang sama, tentera muda ini masih sempat membuat persiapan perkahwinannya.

Percintaan yang bermula di bangku sekolah membawa mereka ke jinjang pelamin pada 8 Julai 1979. Wanita bertuah yang telah berjaya menambat hati Syed Othman bertugas sebagai seorang jururawat. Tiga minggu kemudian, pasangan yang baru menjadi raja sehari ini terpaksa berpisah. Tugas menanti Syed Othman dalam operasi bersama tentera Thai di kawasan sempadan Malaysia-Thai.

Memang berat untuk seorang lelaki yang baru bergelar suami hendak meninggalkan isteri tersayang. Lama dia merenung seraut wajah yang belum pun sebulan menjadi miliknya yang sah. Apapun, dia terpaksa melangkah pergi untuk menyaluti seruan bakti. Dia sedar angkatan tentera adalah pagar watan.

Operasi pada hari pertama, kedua dan ketiga berlalu dengan penuh debaran tetapi tanpa sebarang insiden yang menggemparkan. Mereka bergerak dengan penuh hati-hati sambil cuba meramal dan mengkaji strategi musuh.

Menyusul pula hari keempat—hari yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh Syed Othman. Peristiwa yang berlaku pada hari itulah yang telah merubah corak kehidupannya. Sesungguhnya, memang malang tidak berbau. Manusia mampu mentadbir dengan akal fikiran yang dikurniakan Tuhan. Apapun, takdir Tuhan tetap mengatasi tadbir manusia.

Syed Othman sedang memeriksa papan tanda komunis bersama rakan-rakannya Mansor dan Tahir. Dengan tidak semena-mena, Tahir telah terpijak jerangkap samar musuh. Bergemalah bunyi letupan yang sungguh dahsyat. Letupan itu juga menyebabkan mereka bertiga cedera parah. Kaki Tahir putus. Tubuh Mansor serta dada dan muka Syed Othman berlumuran darah. Lebih perit lagi apabila serpihan jerangkap samar menerobos masuk ke kedua-dua belah mata Syed Othman.

Kemalangan itu berlaku kira-kira pada jam lapan pagi. Lebih kurang pada pukul dua belas tengah hari, barulah helikopter tentera tiba untuk memberi bantuan. Penantian selama empat jam itu benar-benar menguji benteng ketahanan fizikal dan mental Syed Othman. Raungan kesakitan kawan-kawan, bau hanyir darah dan nanah, azab sakit yang terpaksa ditanggung sendiri; semuanya hampir menggugat kesabaran dan keimanan anggota tentera itu.

Dari tempat operasi, Syed Othman telah dibawa ke Hospital Alor Setar. Kebetulan, isterinya sedang bertugas di situ. Malangnya, dia sudah tidak dapat menatap wajah insan yang dikasihinya dengan mata kanan. Dia hanya mampu memandang samar-samar seraut wajah itu dengan mata kiri.

Syed Othman kemudiannya telah dipindahkan ke Hospital Sungai Petani dan Hospital Pulau Pinang bagi mendapatkan khidmat kepakaran di hospital-hospital berkenaan untuk mengeluarkan serpihan-serpihan jerangkap samar dari kedua-dua belah mata Syed Othman dan untuk memberi rawatan lanjut.

Mulanya, Syed Othman menaruh seribu harapan yang penglihatannya dapat pulih seperti sediakala. Tetapi, setelah berbulan-bulan terlantar di hospital tanpa sebarang perubahan yang nyata, dia mula musykil. Pada suatu pagi, dia memberanikan diri untuk mendapat kepastian daripada doktor yang merawatnya.

Doktor berkenaan agak gugup. Dia menjelaskan, isteri Syed Othman sudah dimaklumkan mengenai mata Syed Othman yang sudah tidak dapat diselamatkan. Dia telah disuruh menyampaikan berita itu kepada suaminya. Syed Othman mendapat tahu selepas itu yang isterinya tidak tergamak hendak berterus terang.

Setelah ternyata perubatan moden tidak dapat menyembuhkan mata Syed Othman, ibunya telah membawanya ke serata pelosok negara; malah, hingga ke Siam

untuk berubat secara tradisional. Malangnya, usaha murni itu tidak membuahkan sebarang kejayaan.

Seterusnya, Syed Othman dirawat di Hospital Kinrara pula. Di sinilah mula terdetik keinginan anggota tentera itu untuk mengikuti kursus pemulihan. Dengan bantuan doktor di situ, Syed Othman telah dirujuk kepada Pusat Latihan Gurney di Brickfields, Kuala Lumpur.

Syed Othman telah menimba ilmu dan pengalaman di Pusat berkenaan dari tahun 1980 hingga 1982. Di sini, dia diperkenalkan kepada huruf Braille, diajar orientasi dan mobiliti serta dilatih untuk menaip dengan menggunakan mesin Brailler dan mesin taip biasa. Setelah berupaya membaca dan menulis dengan menggunakan huruf Braille, Syed Othman berazam untuk menduduki Peperiksaan STPM. sekali lagi. Dalam percubaan pertamanya sebagai calon cacat penglihatan, dia cuma mampu lulus penuh satu pelajaran. Begitupun, keputusannya lebih memberangsangkan pada tahun berikutnya.

Seterusnya, dia telah memohon kebenaran Jabatan Arah Pelajaran Kementerian Pertahanan Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke Florida, Amerika. Dia menuntut di Amerika selama empat tahun dengan mendapat gaji penuh di samping mendapat biasiswa MARA. Dia pulang ke tanahair dengan membawa Ijazah Sarjana Muda Sains dengan pengkhususan dalam bidang komunikasi dan politik.

Kecintaan Syed kepada dunia ketenteraan begitu mendalam. Meskipun tidak dapat berjuang di barisan hadapan disebabkan kecacatannya, dia tetap aktif di belakang tabir. Sepulangnya dari Amerika pada tahun 1987, dia bertugas sebagai Penolong Pengarah Berita Tentera Darat. Dia turut menjadi kolumnis tetap di akhbar Watan dan giat menyumbang rencana mengenai tentera.

Dua tahun kemudian, dia ditukarkan ke Muzium Angkatan Tentera. Mulanya, dia agak terkilan dengan pertukaran itu. Dia merasakan dirinya tak ubah seperti barang yang tidak lagi diperlukan dan dicampak ke muzium. Bagaimanapun, setelah berada di pejabat barunya, dia mendapati banyak bahan dan maklumat berharga berkaitan ketenteraan tersimpan di muzium tersebut. Oleh kerana tidak mahu mensia-siakan kesempatan yang ada, Syed Othman telah meminta izin untuk membuat penyelidikan mengenai penerima-penerima pingat. Dia mengambil masa selama dua tahun untuk menyiapkan manuskrip berjudul Pahlawan Angkatan Tentera Malaysia – Penerima Pingat Pahlawan dan Pingat Gagah Berani. Penyelidikan ini termuat dalam dua jilid dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993. Ini disusuli oleh kajian yang bertajuk Mekanis Di Somalia yang diterbitkan sendiri dan dibiayai oleh Perwira Affin Bank. Buku ini telah dilancarkan pada tahun 1997.

Kejayaan menulis serta menerbitkan dua penyelidikan yang amat bermakna dalam perkembangan Angkatan Tentera Malaysia memarakkan semangat Syed Othman untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Untuk tujuan tersebut, dia telah menghasilkan tesis mengenai Asia Tenggara Dalam Era

Konfrantasi. Inilah tesis pertama yang dihasilkan oleh seorang anggota tentera mengenai tentera. Dia telah mendapat ijazah sarjananya pada tahun 1997 dan tesisnya telah diterbitkan oleh universiti yang sama setahun kemudian. Tesis tersebut telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2000.

Syed Othman memberanikan diri untuk melangkah setapak lagi dan memohon untuk membuat ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya. Regimen Askar Melayu Diraja 1933-1968, begitulah judul tesisnya kali ini. Ijazah Doktor Falsafah dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang diidam-idamkan menjadi miliknya dalam majlis konvokesyen universiti berkenaan pada tahun 2003. Tesisnya sedang dalam proses penerbitan oleh universiti berkenaan.

Meski kejayaan demi kejayaan telah dirangkulnya, semua kejayaan itu tidak datang bergolek begitu sahaja. Banyak cabaran terpaksa diharung. Banyak rintangan perlu dilepasi. Bukan senang bagi seorang anak muda yang hilang indera melihatnya di saat-saat dia hampir berada di puncak kerjayanya untuk bergelut dengan rasa kecewa dan bertarung dengan rasa putus asa. Begitu nekad Syed Othman bertatih, berjalan dan berlari dalam dunia barunya.

Bukan mudah juga untuk orang yang tiba-tiba kehilangan deria penglihatan untuk memberi komitmen terhadap kajian dan penyelidikan. Komitmen sedemikian banyak menuntut pengorbanan dari segi wang ringgit, masa dan tenaga. Dia memerlukan pembantu untuk membacakan bahan-bahan yang diperlukan kerana bahan-bahan tersebut

tidak ada dalam bentuk Braille. Di samping itu dia terpaksa menjelajah ke seluruh negara; malah hingga ke Indonesia untuk merakam temubual-temubual yang diperlukan untuk kajiannya.

Demikianlah sekelumit hidup seorang insan yang mempunyai kecintaan mendalam kepada dua bidang yang agak berbeza – dunia tentera dan dunia akademik. Kecintaan yang mendalam itulah yang menyebabkan dia berada di tahapnya sekarang. Dalam angkatan tentera, Syed Othman bermula sebagai seorang pegawai kadet. Kini, dia seorang Leftenan Kolonel. Dalam bidang akademik pula, daripada seorang anak belasan tahun yang kecundang dalam peperiksaan SPM, dia terus memburu kejayaan sehingga memperoleh Ijazah Doktor Falsafah. Betapa bijak Syed Othman menggabungjalinkan kedua-dua bidang ini dalam kajian-kajiannya. Buku-buku dan tesis-tesisnya telah berjaya sedikit sebanyak mengangkat martabat angkatan tentera.

Sungguhpun Syed Othman sudah boleh berbangga dengan kejayaannya, dia tidak mungkin melupakan isteri dan enam orang anaknya yang sentiasa memberi inspirasi kepadanya.